

# Sijil luput jika tidak ambil dos penggalak selepas 1 Mac

Oleh **PETAH WAZZAN**  
**ISKANDAR**

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 3.5 juta penerima vaksin Sinovac dan golongan berusia 60 tahun ke atas yang belum mendapatkan suntikan dos penggalak 1 Mac ini akan mendapati sijil vaksinasi mereka luput dan mereka akan dikenakan sekatan tertentu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya mengakui terdapat keengganan penerima vaksin Sinovac untuk mendapatkan dos penggalak dari campuran vaksin jenama lain walaupun ia sebenarnya digalakkan.

Justeru, beliau memaklumkan, semua penduduk berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac ini.

"Selepas ini sijil digital tuar warna jadi putih selepas 1 Mac (bagi penerima vaksin Sinovac) maksudnya status penuh vaksin belum lengkap jika tidak ambil dos penggalak, jadi sekatan dibuat di pintu masuk tertentu.

"Kita maklum ada keengganan penerima Sinovac untuk dapatkan dos penggalak dari



**KHAIRY JAMALUDDIN**

berkurangan.

"Jadi kita buat keputusan walaupun KKM masih berpandangan menggalakkan mereka menerima Pfizer dan AstraZeneca, namun kita akan beri pilihan untuk berikan dos sama Sinovac. Kita akan umumkan kemudian," ka-

aplikasi Mysejahtera bertukar jadi warna putih.

"Apabila ia berubah kepada warna putih, maka akan berlakunya sekatan di mana-mana pintu masuk premis.

"Pemilik premis juga diminta meningkatkan kawalan kemasukan pelanggan dengan

berkata, Individu yang belum divaksin adalah sembilan kali lebih berkemungkinan untuk dijangkiti dan 62 kali lebih berkemungkinan kematian akibat Covid-19 berbanding individu yang lengkap vaksin atau dos penggalak.

Beliau berkata, penduduk Malaysia digalakkan untuk mendapatkan dos penggalak dengan seberapa segera bagi melindungi diri, keluarga dan negara terutama dengan peningkatan kes yang mendadak berkaitan dengan varian Omicron.

Katanya, dos penggalak memberi perlindungan daripada jangkitan Covid-19 terutama sekali komplikasi teruk.

"Sehingga kini, terdapat lebih kurang 32 peratus atau satu juta warga emas yang masih belum mengambil dos penggalak.

"Risiko jangkitan teruk juga adalah lebih tinggi dalam kalangan warga emas berdasarkan data iaitu daripada 32,034 kematian sehingga 6 Februari 2022, sebanyak 18,362 atau 57.32 peratus melibatkan warga emas," katanya.

Khairy berkata, mana-mana penduduk yang layak, terutamanya warga emas dan individu dengan komorbidity, untuk mendapatkan dos penggalak.

Katanya, semua individu yang berumur 60 tahun dan ke atas perlu segera mendapatkan